



OBJEKTIF KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KOPERASI LADANG PEKEBUN-PEKEBUN KECIL MALAYSIA BERHAD

Adalah menjadi dasar pengurusan KL untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerjanya dan orang-orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitinya.

Pihak Pengurusan dan pekerja akan sama-sama berusaha untuk mencapai matlamat dan objektif-objektif dasar ini melalui rundingan dan kerjasama

Khususnya, dasar Pengurusan KL ialah:

- Untuk menyelia dan menyenggara suatu tempat dan sistem kerja yang selamat dan sihat;
- Untuk memastikan bahawa semua kakitangan dan pekerja diberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan cara untuk menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;
- Untuk menyasat semua kemalangan, penyakit, keracunan dan kejadian berbahaya dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan kejadian-kejadian tersebut tidak berulang lagi;
- Untuk mematuhi akta dan lain-lain keperluan mengenai keselamatan dan kesihatan yang ditetapkan di dalam peraturan-peraturannya dan tataamalan industri yang diluluskan oleh kerajaan;
- Untuk menyediakan kemudahan-kemudahan kebajikan bagi semua pekerja; dan
- Untuk mengkaji semula dasar ini daripada masa ke semasa dan apabila perlu.

Pengurusan KL yakin bahawa keselamatan dan kesihatan yang dipertingkatkan secara berterusan mestilah diintegrasikan ke dalam aktiviti-aktiviti harian, dan penggunaan cara kerja selamat dan sihat adalah faktor utama ke arah memastikan kejayaan misi kita.

Mohd Tarmizi Mohd Nordin
Pengurus Besar

Koperasi Ladang Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia Berhad

Tarikh : 1 Jun, 2015